

01/09/1999

Menara berkembar pencetus industri baru

Kadir Dikoh

MALAYSIA mendapat banyak manfaat hasil pembinaan Menara Berkembar Petronas, projek prasarana yang dianggap paling menakjubkan pada alaf ini, kata Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Katanya, pemindahan teknologi dan pengalaman mengurus pembinaan projek itu memberi manfaat yang tidak ternilai sehingga mencetus beberapa industri baru dalam sektor pembinaan.

"Bagi rakyat Malaysia, bangunan yang tertinggi di dunia ini, merupakan sumber ilham dan asas keyakinan diri untuk kita menghadapi cabaran alaf baru yang menjelang tiba," katanya di majlis perasmian menara itu di Kuala Lumpur, malam tadi.

Perasmian menara berkenaan yang dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut menyempurnakan fasa pertama projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC) yang menggabungkan tujuh komponen lain.

Komponen berkenaan ialah Menara Maxis setinggi 50 tingkat, Menara Esso (30 tingkat), Masjid Asy-Syakirin yang boleh menampung 6,000 jemaah, pusat beli-belah Suria KLCC, Hotel Mandarin Oriental, Pusat Penyejukan Daerah dan taman riadah.

Menara Berkembar Petronas setinggi 452 meter, diiktiraf oleh Majlis Bangunan Tinggi dan Habitat Bandar berpangkalan di Amerika Syarikat, sebagai tertinggi di dunia mengatasi Menara Sears di Chicago.

Azizan berkata, pembinaan menara berkembar membabitkan kos RM1.8 bilion itu, adalah satu impian yang menjadi kenyataan dan juga bersempena ulang tahun ke-25 penubuhan Syarikat Petroleum Nasional itu.

Katanya, menara itu adalah penghormatan yang amat sesuai kepada pertumbuhan Petronas daripada cuma sebagai pengurus kontrak perkongsian pengeluaran pada awal usianya kepada syarikat multinasional bersepadu dalam industri gas dan minyak.

"Pencapaian terbesar adalah sumbangan yang dibuat oleh Petronas kepada pembangunan rakyat dan negara ini. Kita terus memandang ke hadapan untuk terus berkembang pada alaf baru dan menerusi perniagaan kami di dalam serta luar negara yang berkembang, akan menyumbang kepada kemakmuran negara," katanya.

Beliau berkata pihaknya gembira bahawa Menara Berkembar itu membantu menonjolkan lagi nama Malaysia di dunia dan berharap dalam proses itu akan meningkatkan lagi penghargaan kepada inspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju.

Katanya, cita-cita itu sejajar dengan Wawasan 2020 yang diilhamkan Dr Mahathir dan dikongsi bersama rakyat Malaysia.

Azizan berkata, dalam membangunkan projek KLCC dan Menara Berkembar itu, KLCC Berhad yang menjadi pemajunya, mendapatkan kepakaran dan pengalaman daripada ramai individu serta kumpulan dari serata dunia.

Katanya, mereka bekerjasama dengan perunding tempatan dan melahirkan reka bentuk yang universal dalam ciri-ciri am tetapi lebih menitikberatkan ciri tempatan menerusi penyerapan seni kraf serta tradisi Malaysia.

"Menara Berkembar Petronas ini adalah hasil kerjasama di kalangan beberapa pakar yang terbaik di dunia dalam industri pembinaan. Hasilnya adalah kompleks, bukan saja sebagai mercu tanda negara malah antarabangsa.

"Ia adalah sumbangan Malaysia kepada pembangunan kejuruteraan bangunan dan seni bina antarabangsa. Beberapa pakar yang terbabat dalam projek ini turut hadir pada malam ini," katanya.